

Dapatkan Pulangan Tunai sehingga RM40 dengan Google Wallet dan Kad Kredit CIMB Mastercard Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. Dapatkan Pulangan Tunai sehingga RM40 dengan Google Wallet dan Kad Kredit CIMB Mastercard (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P) (“**CIMB Bank**”). CIMB Bank hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 15^{hb} November 2022 – 28^{hb} Februari 2023, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu mencukupi selama empat belas (14) hari kalender untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka secara eksklusif kepada semua pemegang kad kredit Mastercard utama atau tambahan CIMB (kecuali Kad Perniagaan Platinum dan Kad Fuel Tanker) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia, selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”. Akaun kad kredit CIMB Mastercard Peserta Layak selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Akaun Kad Kredit Penyertaan**”.
5. Kategori orang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen: -
 - i) Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan *Kumpulan Syarikat CIMB yang terlibat secara langsung dalam menganjurkan Kempen ini atau Pengurusan Kanan *Kumpulan Syarikat CIMB and ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan suami isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
 - ii) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan promosi) Kumpulan Syarikat CIMB, Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang diperbadankan di Negeri Delaware, mempunyai pejabat dan tempat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (“**Mastercard**”) (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaan masing-masing); dan/atau

* Kumpulan Syarikat CIMB bermaksud kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegangan muktamad CIMB mempunyai kepentingan yang mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui subsidiari-subsidiarinya.

6. Pendaftaran tidak diperlukan. “**Peserta Layak**” mesti:-

melakukan transaksi pembelanjaan runcit (seperti yang ditakrifkan di Klaus 7 di sini) dengan menggunakan Akaun Kad Kredit Penyertaan mereka; dan/atau kad kredit tambahan yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia.

Mekanik Kempen

7. Peserta Layak hendaklah layak kepada Pulangan Tunai sehingga Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40). RM10 setiap bulan penyertaan x 4 bulan kempen:
 - a) Peserta Layak dikehendaki menambah Kad Kredit CIMB Mastercard layak ke dalam App Google Wallet dan melakukan minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) ke atas transaksi runcit layak (“**Transaksi Layak**”) untuk memperolehi Pulangan Tunai semasa tempoh Pengesahan seperti yang dinyatakan dalam klaus 8:

- b) Pulangan Tunai dihadkan pada Jumlah bajet kempen sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu (RM80,000) dan dihadkan 2,000 unit peruntukan pulangan tunai setiap bulan kempen, berdasarkan dasar siapa cepat dia dapat.
 - c) Setiap Peserta layak kepada SATU (1) kali Pulangan Tunai pada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) sahaja setiap bulan kempen.
- Contoh:

Peserta Layak	Akaun Kad Kredit Penyertaan	Transaksi layak dengan min RM100	Kelayakan	Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai
A	CIMB Platinum MasterCard	Ya	Ya	RM10	RM10
B	CIMB World MasterCard	Ya	Ya	RM10	RM10
	CIMB Platinum MasterCard	Tidak	Tidak	Tidak	

8. Pengesahan Transaksi adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod CIMB di antara 15 November 2022 hingga 28 Februari 2023 (“Tempoh Pengesahan”)

Bulan Kempen	Tempoh Transaksi Layak untuk Pulangan Tunai
1	15 November 2022 – 30 November 2022
2	1 Disember 2022 – 31 Disember 2022
3	1 Januari 2023 2022 – 31 Januari 2023
4	1 Februari 2023 – 28 Februari 2023

9. Untuk mengelakkan keraguan transaksi berikut dikecualikan secara nyata di sini dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak: -

- (i) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai; dan
 - (ii) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi, caj atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - (iii) Sebarang transaksi yang tidak diposkan, dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dikembalikan, penipuan atau tidak diberi kuasa;
 - (iv) Transaksi Kuasi Tunai dan perjudian/pertaruhan;
 - (v) Ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB kecuali Bayaran Mudah 0% CIMB;
 - (vi) Arahan tetap/perkhidmatan pembayaran automatik;
10. Perbelanjaan Luar Negeri hendaklah ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan pengiraan dan hendaklah berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB. Sekiranya jumlah pembelian Perbelanjaan Luar Negeri telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada titik jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), bentuk transaksi ini akan dikategorikan sebagai Perbelanjaan Tempatan atau Perbelanjaan Harian. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi akan dianggap sebagai Perbelanjaan Luar Negeri jika kod mata wang di mana transaksi dilakukan adalah dalam mana-mana mata wang asing tidak termasuk Ringgit Malaysia. Sebarang penentuan oleh CIMB tentang apa yang membentuk Perbelanjaan Luar Negeri hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara juga, melainkan kesilapan nyata.
11. Kesemua Transaksi Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB untuk tujuan memenuhi Kriteria Transaksi Peserta Layak. Pengesahan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.

Sebarang penentuan oleh CIMB tentang apa yang membentuk Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampaui tidak adil atau tidak saksama.

12. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak dan/atau pengeposan Transaksi Layak kepada Akaun Kad Layak Peserta Layak oleh MasterCard, pedagang-pedagang dan/atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama adalah disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaian melampau CIMB.

Pulangan Tunai

13. Pulangan Tunai yang ditawarkan kepada Peserta Layak dengan Kad Kredit Penyertaan adalah seperti berikut: -

Ganjaran	Syarat	Pulangan Tunai
Pulangan Tunai	Google Pay dengan Kad Kredit CIMB Mastercard layak dengan perbelanjaan minimumRM100 untuk transaksi runcit layak dalam Bulan Kempen 1	RM10
	Google Pay dengan Kad Kredit CIMB Mastercard layak dengan perbelanjaan minimumRM100 untuk transaksi runcit layak dalam Bulan Kempen 2	RM10
	Google Pay dengan Kad Kredit CIMB Mastercard layak dengan perbelanjaan minimumRM100 untuk transaksi runcit layak dalam Bulan Kempen 3	RM10
	Google Pay dengan Kad Kredit CIMB Mastercard layak dengan perbelanjaan minimumRM100 untuk transaksi runcit layak dalam Bulan Kempen 4	RM10
	Jumlah besar	RM40

Seseorang Peserta Layak adalah layak untuk memperolehi Pulangan Tunai maksimum RM40 sepanjang Tempoh Kempen.

14. Akaun Kad Kredit Penyertaan MESTI berada dalam kedudukan yang baik dan MESTI TIDAK memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit CIMB dan/atau berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan kerana jika tidak mereka akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen.

Proses Pemenuhan Pulangan Tunai

15. Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam dua belas (12) minggu selepas bulan di mana Peserta Layak telah melakukan transaksi layak dalam tempoh kempen seperti yang ditetapkan dalam klausula 8. Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ke-3 yang lain. Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan ke Akaun Kad Kredit Penyertaan sah Peserta Layak.

Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Pulangan Tunai hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua, melainkan kesilapan nyata.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

16. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:

- telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- bersetuju untuk CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;

- c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang akan diberikan dan penentuan penerima, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; and
- d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik; sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang bencana alam ("act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

17. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Pulangan Tunai akan dilucutahkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penghantaran atau pemberian Pulangan Tunai:

- a) Peserta Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kempen;
- b) Akaun Kad Kredit Penyertaan ditamatkan atau ditutupkan atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- c) Akaun Kad Kredit Penyertaan adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh CIMB.

18. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:

- a) mengganggu proses penyertaan/permohonan; dan/atau
- b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

19. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:

- a) menggantikan Pulangan Tunai dengan item lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
- b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen.

dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalender kepada Peserta Layak menerusi:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan seperti yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung sebarang Pulangan Tunai dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

22. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau

- b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS")

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

23. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Peserta Layak menerusi:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) pengiklanan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
- (iv) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh septicima yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

- c) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

24. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

25. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa Bank ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan oleh:

- a) penyertaan Peserta Layak di dalam Kempen; dan/atau
- b) penerimaan, penebusan atau pengunaan Pulangan Tunai oleh Peserta Layak.

26. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Kad Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

27. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyelesaian ke atas CIMB dari semasa ke semasa.

28. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603 6204 7788
E-mel: cru@cimb.com

- b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak/ Pelanggan melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.